

## **Perakaunan dan Pelaporan Aset Warisan, Aset Pertahanan dan Aset Infrastruktur Berasaskan Akruan**

**Norida Basnan, Mohd Fairuz Md Salleh,  
Azlina Ahmad, Azmi Harun, Azizah Mohd Harun**

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstract**

In line with the importance of transparency and accountability, the Government of Malaysia has implemented financial reforms under the Economic Transformation Program with which involves the transition from cash basis accounting to accrual basis which will be implemented by the Federal Government in the year 2015. This study focuses on accrual basis accounting related to heritage assets, military assets and infrastructure assets. In particular, it aims to propose an appropriate accounting and reporting of those assets in accordance with international standards and the local environment; and to determine the amendments and/or additions to the related financial acts and circulars. In order to achieve this purpose, accounting practices and standards as well as legal requirements of countries that have adopted the accrual basis of accounting in their public sector are being examined. In addition, the views of the ministries involved are also taken into account. Hopefully, the findings of this study can serve as a guideline by the Government of Malaysian to develop the public sector accounting standards and update the related existing Acts and circulars.



## **Perakaunan dan Pelaporan Aset Warisan, Aset Pertahanan dan Aset Infrastruktur Berasaskan Akruan**

**Norida Basnan, Mohd Fairuz Md Salleh,  
Azlina Ahmad, Azmi Harun, Azizah Mohd Harun**

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Selaras dengan kepentingan ketelusan dan akauntabiliti, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan reformasi kewangan di bawah Program Transformasi Ekonomi yang antaranya melibatkan peralihan daripada perakaunan asas tunai kepada asas akruan di peringkat Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015. Kajian ini memberi tumpuan kepada perakaunan asas akruan berkaitan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur. Secara khusus, ia bertujuan untuk mencadangkan kaedah perakaunan dan pelaporan yang sesuai diaplikasikan oleh Kerajaan Malaysia selaras dengan peruntukan piawaian antarabangsa dan persekitaran tempatan serta menentukan setakat mana pindaan atau tambahan yang diperlukan ke atas akta dan pekeliling kewangan yang berkaitan. Bagi mencapai tujuan ini, amalan dan piawai perakaunan serta akta bagi negara-negara yang telah mengamalkan perakaunan asas akruan dalam sektor awam dikaji. Selain itu, pandangan pihak kementerian yang terlibat juga diambil kira. Dapatan kajian diharap boleh dijadikan garis panduan oleh pihak kerajaan untuk membangunkan piawaian perakaunan serta mengemaskini akta dan pekeliling kewangan sedia ada.

**Katakunci:** Perakaunan asas akruan, aset warisan, aset pertahanan, aset infrastruktur

### **Pengenalan**

Perakaunan asas akruan telah diiktiraf mampu memberi gambaran yang lebih terperinci dan lengkap mengenai prestasi dan kedudukan kewangan awam (MAPEN 2010; MIA 2011) dan seterusnya membantu sesebuah organisasi awam untuk meningkatkan akauntabiliti (Allen 2002; Groot & Budding, 2008; Ouda 2010). Sebagai prinsip asas demokrasi, akauntabiliti amat dititikberatkan dalam pengurusan kewangan awam (Bergmann, 2011). Selaras dengan kepentingan ketelusan dan akauntabiliti, Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10), telah melaksanakan reformasi kewangan di bawah Program Transformasi Ekonomi yang antaranya melibatkan peralihan daripada perakaunan asas tunai kepada asas akruan yang akan dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015. Usaha

ini dilihat sebagai satu landasan kearah pelaporan kewangan kerajaan yang lebih baik yang berupaya bertindak sebagai salah satu medium untuk menjelaskan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan kepada pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan, peralihan kepada asas ini telah menimbulkan beberapa isu perakaunan yang antaranya ialah isu berkaitan perakaunan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam.

Menurut Christiaens, Rommel, Barton & Everaert (2008), tidak seperti kebanyakan aset fizikal kerajaan, masih terdapat persoalan dan perdebatan dari segi pelaporan kewangan aset warisan dan pertahanan. Begitu juga dengan aset infrastuktur awam seperti jalanraya, jambatan dan terusan yang mempunyai nilai yang tinggi dan jangka hayat yang panjang sehingga menimbulkan persoalan tentang bagaimana hendak menentukan kos perolehan/pembinaan serta susutnilai aset berkenaan (Wynne, 2004).

Berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akruan, masih tidak terdapat keseragaman berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam. Penyelesaian kepada persoalan berkaitan pengiktirafan aset-aset berkenaan adalah bergantung kepada ciri aset tersebut sepertimana yang ditakrifkan dan juga bergantung kepada pertimbangan negara yang terlibat. Isu berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam ini juga berkemungkinan dihadapi oleh Kerajaan Malaysia apabila peralihan kepada perakaunan asas akruan dilaksanakan.

Menurut Khan dan Mayes (2009), salah satu perkara penting yang perlu ditangani oleh kerajaan yang akan beralih kepada perakaunan asas akruan adalah pemilihan dan pelaksanaan polisi perakaunan yang tepat yang selari dengan piawaian perakaunan berkaitan.

Kajian yang dicadangkan ini adalah satu usaha untuk membantu kerajaan dalam pembangunan piawaian perakaunan sektor awam berkaitan aset khususnya aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur serta membantu dalam menentukan setakat mana akta dan pekeliling kewangan berkaitan perlu dikemaskini. Hasil kajian yang dicadangkan ini kelak diharapkan boleh dijadikan sebagai satu garis panduan. Bahagian seterusnya akan membincangkan tentang kajian lepas serta piawaian antarabangsa berkaitan aset warisan, pertahanan dan infrastruktur serta. Selepas sorotan kajian lepas, objektif kajian diperincikan. Bahagian seterusnya membincangkan bagaimana kajian yang dicadangkan ini akan dilaksanakan. Akhir sekali, kepentingan atau implikasi kajian dibincangkan.

## Sorotan Kajian Lepas dan Piawaian Perakaunan Berkaitan

Berdasarkan pengalaman negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual dalam sektor awam mereka, kajian lepas telah membincangkan tentang isu perakaunan dan pelaporan aset-aset berkenaan seperti berikut.

### ***Aset Warisan***

Sehingga kini, tiada definisi spesifik mengenai aset warisan. Walau bagaimanapun, IPSAS 17 merujuk aset warisan sebagai aset yang mempunyai kepentingan kebudayaan, persekitaran maupun kepentingan sejarah. Sebagai contoh, bangunan yang mempunyai nilai sejarah, monumen, tapak arkeologi, artifak dan koleksi kerja kesenian. Menurut kajian oleh Blondal (2003), isu berkaitan aset warisan timbul berdasarkan hakikat bahawa nilai aset ini lebih kepada satu nilai budaya yang sukar dinilai dengan nilai wang, jangka hayatnya adalah sangat panjang sehingga menjangkau ratusan tahun dan kos perolehan aset tersebut (*acquisition cost*) biasanya tidak diketahui dan ia tiada nilai pasaran kerana kebiasaannya dilindungi oleh undang-undang daripada dijual. Justeru, aset warisan ini tidak mempunyai nilai gantian (*replacement value*). Artifek yang dipamerkan di museum dan galeri seni misalnya merupakan aset warisan yang mana penilaian aset tersebut didapati berbeza antara negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual. Negara seperti New Zealand menilai aset warisan yang didapati di museum dan galeri seni mengikut nilai pasaran yang dikeluarkan oleh organisasi lelongan antarabangsa (*international auction house*). Namun begitu, sebahagian negara *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) menilai aset warisan tersebut pada harga pasaran hanya bagi aset yang baru diperolehi selepas peralihan kepada asas akrual, dan tidak kepada aset warisan yang sedia ada tersimpan di museum atau galeri seni. Bagi bangunan bersejarah yang sebahagiannya dijadikan pejabat kerajaan, persoalannya ialah adakah keseluruhan bangunan diiktiraf sebagai aset warisan atau hanya aset yang digunakan sebagai pejabat kerajaan sahaja diiktiraf sebagai aset bangunan biasa. Kesukaran dan persoalan tentang penilaian dan penentuan susutnilai aset warisan ini juga ditimbulkan dalam kajian Khan dan Mayes (2009).

### ***Aset Pertahanan***

Aset pertahanan merujuk kepada senjata atau peralatan pengeluaran senjata atau lain-lain peranti atau peralatan yang digunakan bagi tujuan pertahanan negara. Pengiktirafan aset pertahanan juga didapati berbeza antara negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual (Blondal, 2003). Berdasarkan kajian Blondal, di Amerika, aset pertahanan di kelaskan kepada aset pertahanan bagi kegunaan umum (*general purpose military assets*), contohnya kenderaan pengangkutan pertahanan, dan aset pertahanan khusus (*specific military assets*), contohnya jet pejuang. Aset pertahanan

untuk kegunaan umum dipermodalkan (*capitalized*) dan disusutnilaikan (*depreciated*). Manakala aset pertahanan khusus tidak dipermodal dan tidak disusutnilaikan sebaliknya dibelanjakan (*expensed*). Alasannya ialah aset pertahanan khusus ini terdedah kepada kemusnahan sepenuhnya sebelum jangka hayat aset berkenaan (*premature destruction*) apabila digunakan dalam peperangan. Walau bagaimanapun, kajian Blondal (2003) mendapati dikebanyakan negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual, kesemua aset pertahanan dipermodal dan disusutnilaikan. Jika dipermodalkan, persoalan yang timbul ialah tentang apakah asas susutnilai yang digunakan dan jangka hayat yang sesuai bagi aset berkenaan (Wynne, 2004).

### **Aset Infrastruktur**

Aset infrastruktur awam seperti jalanraya, jambatan dan terusan mempunyai nilai yang sangat tinggi dan jangka hayat yang sangat panjang. Persoalan yang timbul ialah tentang bagaimanakah aset ini dinilai. Adalah sukar untuk menentukan kos perolehan/pembinaan aset berkenaan jika asas kos sejarah hendak digunakan. Begitu juga kesukaran dihadapi apabila nilai saksama digunakan disebabkan kesukaran menentukan nilai semasanya. Persoalan lain yang timbul adalah samada tanah dan struktur di atasnya perlu dinilai secara berasingan atau dinilai secara bersama (Wynne, 2004).

Selain itu, jangka hayat yang panjang pula akan menyukarkan penentuan kadar susutnilai aset berkenaan (Blondal, 2003; Wynne, 2004). Berdasarkan kajian Blondal (2003), terdapat juga negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual tidak menyusutnilaikan aset infrastruktur ini, sebaliknya memastikan penyelenggaraan (*maintenance*) berterusan dibuat ke atas berkenaan di sepanjang jangka hayatnya yang diandaikan 'infiniti', dan mengiktiraf kos penyelenggaraan tersebut sebagai belanja. Walau bagaimanapun, tahap keadaan (*condition level*) aset infrastruktur tersebut juga dilaporkan. Sekiranya susutnilai diiktiraf, persoalan lain yang timbul ialah samada pelarasan perlu dibuat ke atas susutnilai tersebut jika penyelenggaraan diabaikan bagi memastikan aset tersebut dapat digunakan dalam jangka masa yang panjang (Wynne, 2004).

Bagi Christiaens et al. (2008), aset fizikal yang mempunyai ciri aset awam (*public goods attributes*) tidak perlu dipermodalkan. Dari segi pelaporan pula, Rowles, Hutton dan Bellamy (1998), mencadangkan bahawa semua aset kerajaan samada memenuhi atau tidak memenuhi kriteria pengiktirafan aset, perlu dilaporkan. Di Amerika Syarikat, berdasarkan peruntukan *American Accounting Standards* bagi kerajaan persekutuan yang dikeluarkan oleh *Federal Accounting Standards Advisory Board (FASAB)*, aset fizikal kerajaan - hartanah, loji dan peralatan (*property, plant and equipment – PPE*) yang dikelaskan kepada *business-like PPE*, diakaun dan dilaporkan sebagai aset. Manakala,

aset bagi tujuan awam (*PPE for societal purpose*), tidak diakaunkan sebagai aset tetapi perlu dilaporkan dalam pelaporan tambahan iaitu *supplementary stewardship reporting*.

Senario yang diutarakan di atas menunjukkan bahawa tidak terdapat keseragaman berkaitan perakaunan dan pelaporan aset fizikal khususnya aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam di kalangan negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual. Persoalan-persoalan seperti yang dibincangkan berkaitan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur awam ini juga berkemungkinan dihadapi oleh Kerajaan Malaysia apabila peralihan kepada perakaunan asas akrual dilaksanakan.

### ***Piawaian Perakaunan Antarabangsa Sektor Awam (International Public Sector Accounting Standard – IPSAS)***

Pada masa kini, *International Federation of Accountants* (IFAC) telah mengeluarkan piawaian (*standard*) perakaunan antarabangsa khusus untuk organisasi sektor awam yang melaksanakan perakaunan asas akrual iaitu *the International Public Sector Accounting Standards (IPSAS)- Accrual Basis*. IPSAS 17 (IFAC, 2011) merupakan piawaian bagi perakaunan dan pendedahan (*disclosure*) aset Hartanah, Loji dan Peralatan (*Property, Plant and Equipment - PPE*). Piawaian ini (IPSAS 17) juga digunapakai untuk perakaunan dan pelaporan aset warisan, pertahanan dan infrastruktur. Menurut IPSAS 17, aset warisan tidak diiktiraf sebagai aset kecuali menepati kriteria pengiktirafan bagi aset Hartanah, Loji dan Peralatan (PPE) iaitu kos aset ini perlu diiktiraf jika, dan hanya jika (a) berkemungkinan (*probable*) manfaat ekonomi atau perkhidmatan berkaitan dengannya pada masa depan dapat dijana oleh entiti terlibat; dan (b) kos atau nilai saksama aset berkenaan boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, IPSAS 17 tidak mencadangkan (*prescribe*) tentang unit ukuran (*unit of measure*) bagi pengiktirafan aset berkenaan (*i.e. what constitutes an item of PPE*). Dalam hal ini, IPSAS 17 mencadangkan bahawa pertimbangan (*judgment*) diperlukan dalam mengaplikasikan kriteria pengiktirafan berdasarkan kepada situasi spesifik entiti terlibat (*entity's specific circumstances*).

Bagi aset pertahanan dan infrastruktur, IPSAS 17 memperuntukkan pengiktirafan aset-aset berkenaan. Walau bagaimanapun, bagi aset infrastruktur, IPSAS 17 menyatakan bahawa tidak terdapat definisi aset infrastruktur yang diterima secara *universal*. Bagi penentuan susutnilai, aset-aset berkenaan, IPSAS 17 menyatakan bahawa amaun susutnilai perlu diperuntukkan mengikut asas yang sistematik di sepanjang usiaguna aset berkenaan. Walau bagaimanapun, menurut IPSAS 17, anggaran usiaguna perlu melibatkan pertimbangan dan ianya bergantung kepada pengalaman entiti berkenaan.

Persoalan berkaitan pengiktirafan aset-aset ini seperti yang telah dibincangkan di atas adalah penting untuk diberi perhatian kerana ia melibatkan pertimbangan dan kemahiran teknikal yang terdedah kepada risiko kesilapan (*errors*) dan salahnyataan (*mis-statements*) yang kesannya akan merendahkan kualiti pelaporan kewangan yang dihasilkan. Rendahnya kualiti pelaporan kewangan ini akan membantutkan hasrat untuk menjadikan pelaporan kewangan sebagai satu medium dalam menjelaskan ketelusan dan akauntabiliti kerajaan.

Bagi mengurangkan risiko ini, polisi dan piawaian perakaunan tempatan dan antarabangsa yang berkaitan adalah sangat diperlukan (Khan dan Mayes, 2009). Menurut Khan dan Mayes (2009), salah satu perkara penting yang perlu ditangani oleh kerajaan yang akan beralih kepada perakaunan asas akrual adalah pemilihan dan pelaksanaan polisi perakaunan yang tepat dan selari dengan piawaian perakaunan berkaitan. Menurut Ouda (2010) pula, negara yang akan beralih kepada perakaunan asas akrual mempunyai beberapa pilihan iaitu (a) menerima pakai terus piawaian perakaunan antarabangsa IPSAS; (b) mencontohi amalan negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan asas akrual atau (c) menerima alternatif (a) dan (b) tetapi disesuaikan dengan keperluan tempatan.

Bagi tujuan kajian ini, pilihan (c) yang disarankan oleh Ouda (2010) didapati lebih sesuai dilaksanakan di Malaysia. Ini adalah kerana setiap negara dipengaruhi oleh sejarah, budaya, perlembagaan dan sistem pentadbirannya yang tersendiri dalam melaksanakan perubahan atau peralihan seperti perakaunan asas akrual (Hepworth, 2003; Chan, 2003; Caperchione, 2006). Kenyataan ini juga selari dengan Christiaens (2004) yang menyatakan bahawa sesuatu sistem perakaunan kerajaan perlu sesuai dengan persekitaran operasi dan keperluan maklumat yang berbeza.

Justeru, kami juga berpendapat, dalam konteks kerajaan Malaysia, perlu adanya satu piawaian perakaunan, polisi, akta dan peraturan berkaitan yang selari dengan peruntukan piawaian antarabangsa dan mengambilkira persekitaran serta keperluan tempatan.

Kajian yang dicadangkan ini merupakan satu usaha untuk membantu kerajaan dalam pembangunan piawaian perakaunan sektor awam berkaitan aset khususnya aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur serta membantu mengemaskini akta dan pekeliling kewangan berkaitan. Oleh itu, adalah diharapkan dapatan kajian yang dicadangkan ini kelak boleh dijadikan sebagai satu garis panduan.

## **Objektif Kajian**

Secara khusus, objektif kajian adalah;

1. Untuk mencadangkan kaedah perakaunan dan pelaporan sesuai diaplikasikan oleh Kerajaan Malaysia bagi aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur,



selaras dengan peruntukan piawaian antarabangsa dan persekitaran serta keperluan tempatan.

2. Untuk menentukan setakat mana akta dan pekeliling kewangan sedia ada berkaitan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur perlu dikemaskini.

## Kaedah Kajian

Proses kajian melibatkan tiga fasa:

### Fasa 1

Fasa ini akan melibatkan aktiviti berikut:

1. Mengkaji amalan perakaunan dan pelaporan berkaitan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur negara-negara terkehadapan (*frontrunners*, contohnya New Zealand, Canada dan UK) dalam perakaunan asas akrual berdasarkan sorotan ekstensif (*extensive review*) kajian-kajian lepas yang berkaitan.
2. Temubual bersemuka (*face-to-face interview*) – Untuk mendapatkan penerangan/ penjelasan terperinci tentang aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur, termasuk amalan perakaunan dan pelaporannya daripada kementerian/jabatan yang berkaitan seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Kerjaraya, Kementerian Pelancongan (Jabatan Warisan) dan Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi.
3. Menganalisis kandungan (*content analysis*) peruntukan IPSAS - *accrual basis* dan Piawaian Perakaunan negara-negara yang telah mengamalkan perakaunan asas akrual berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur.
4. Membentuk satu deraf cadangan tentang perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur, yang meliputi perkara-perkara berikut:
  - Definisi dan klasifikasi aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur.
  - Pengiktirafan aset berkenaan – pengukuran kos bagi pengiktirafan.
  - Penentuan kaedah susutnilai
  - Penentuan usia guna aset berkenaan bagi pengiraan susutnilai.
  - Penentuan nilai bawaan (*carrying amount*) aset berkenaan.
  - Penentuan item/perkara yang perlu dilaporkan serta format pelaporan.

## Fasa 2

Aktiviti berikut akan dilaksanakan dalam Fasa 2:

1. Menyemak akta dan pekeliling kewangan sedia ada yang berkaitan, dengan membuat *gap analysis* (membuat perbandingan antara peruntukan dalam akta dan pekeliling kewangan berkaitan dengan item/perkara dalam draf cadangan (dari aktiviti Fasa 1), untuk mengenalpasti kecukupan perundangan yang mendasarinya.
2. Menyenaraikan akta dan pekeliling kewangan sedia ada yang perlu dipinda atau ditambah dan pindaan atau tambahan yang perlu dibuat.

## Fasa 3

Fasa ini akan melibatkan temubual bersemuka (*face-to-face interview*) dengan wakil-wakil dari Jabatan Akauntan Negara – *Government Accounting Standard Advisory Committee* (GASAC), Perbendaharaan Malaysia, Persatuan Akauntan Awam Malaysia, *Malaysian Institute of Accountants* (MIA), *Malaysian Accounting Standard Board* (MASB), Jabatan Audit Negara, akauntan sektor awam dan penasihat undang-undang kerajaan.

Tujuan temubual ini adalah;

1. Untuk mendapatkan maklumbalas dan pengesahan tentang draf cadangan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur (hasil daripada aktiviti Fasa 2).
2. Untuk mendapatkan maklumbalas dan pengesahan tentang cadangan akta dan pekeliling kewangan yang perlu dipinda atau ditambah serta pindaan atau tambahan yang perlu dilakukan (hasil dari aktiviti Fasa 2).

## **Output Kajian**

Setelah melalui ketiga-tiga fasa proses kajian, output yang dijangkakan dari kajian ini kelak ialah;

1. Cadangan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur.
2. Cadangan akta dan pekeliling kewangan sedia ada yang perlu dipinda atau ditambah serta pindaan atau tambahan yang perlu dilakukan.

## Implikasi Kajian

Cadangan yang dikemukakan di akhir kajian ini diharap boleh digunakan sebagai garis panduan kepada pihak kerajaan bagi;

1. Membangunkan piawaian perakaunan sektor awam berkaitan perakaunan dan pelaporan aset warisan, aset pertahanan dan aset infrastruktur.
2. Mengenalpasti kecukupan akta dan pekeliling kewangan sedia ada berkaitan aset dan seterusnya membuat pindaan dan/atau tambahan kepada akta dan pekeliling kewangan yang berkaitan.

## Rujukan

- Allen, TL 2002, Public Accountability And Government Financial Reporting in Model of Public Budgeting and Accounting Reform, *OECD Journal On Budgeting*, vol. 2, no. 1, pp.11 – 36.
- Bergmann, A. 2011, Enhancing public sector governance through the implementation of accrual accounting, The National Public Sector Accountants Conference (NAPSAC 2011), Anjuran Malaysian Institute of Accountants, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia & Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kuching, Sarawak, 6 Jun.
- Blondal, J. 2003, Accrual accounting and budgeting: key issues and recent developments, *OECD Journal on Budgeting*, vol. 3, no. 1, pp.43-59.
- Chan, J.L. 2003, “ Changing roles of public financial management” in Boivard T., Löffler E., (eds), (2003), *Public Management and Governance*, Routledge, London.
- Caperchione, E 2006, “The New Public Management. A perspective for Finance practitioners”, *FEE (Fédération des Experts Comptables Européens) Public Sector Committee’s papers*.
- Christiaens, J., Rommel, J., Barton, A. & Everaert, P. 2008, Should all capital goods of governments be recognised as assets in financial accounting?, Working Paper, Universiteit Gent.
- Christiaens, J. 2004, Capital assets in governmental accounting reforms: comparing Flemish technical issues with international standards, *European Accounting Review*, vol. 13, no. 4, pp. 743-770.
- Groot, T, & Budding, T. 2008, New public management’s current issues and future prospects. *Financial Accountability & Management*, vol. 24, no. 1, pp. 1-13.
- Hepworth, N. 2003, Preconditions for successful implementation of accrual accounting in Central Government, *Public Money and Management*, vol. 23, no. 1, pp.37-43.
- IFAC 2011, *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*. International Federation of Accountants, New York.

- IPSASB 2011, *Study 14. Transition to the Accrual Basis of Accounting: Guidance for Public Sector Entities*, 3<sup>rd</sup> Ed. IFAC, New York.
- Khan, A. & Mayes, S. 2009, Transition to accrual accounting, *IMF Technical Notes and Manuals*, pp.1-20.
- MAPEN. 2010, Model Baru Ekonomi Untuk Malaysia Bahagian Akhir. MAPEN, Kuala Lumpur.
- MIA . 2011, The case for accrual accounting, *Accountants Today*, Jun, pp. 6-10.
- Ouda, H.A.G. 2010, A prescriptive model of the transition to accrual accounting in central government, *International Journal Of Governmental Financial Management*, vol. X, no. 1, pp. 63-94.
- Rowles, T., Hutton, B. & Belamy, S. 1998, Accounting for infrastructure assets: the case of land under roads, Annual Conference of Accounting Association of Australia and New Zealand, Adelaide.
- Wynne, A. 2004, Is the move to accrual based accounting a real priority for public sector accounting?, *ACCA Technical Issue*, pp.1-28.